

UniKL MICET Bangunkan Tenaga Mahir Bidang Kejuruteraan Kimia Dan Bio

SEDIA KEMUDAHAN MAKMAL KELAS DUNIA



Sebagai institusi berasaskan kejuruteraan kimia pertama dan terbesar di Malaysia, Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET) memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga mahir bidang kejuruteraan kimia dan bio di negara ini. Apatah lagi di Malaysia, rata-rata industri dalam bidang itu lebih memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran dalam mengendalikan mesin atau peralatan kejuruteraan kimia, berbanding mereka yang menjurus kepada reka bentuk melalui teori.

Menurut Dekan UniKL MICET, Prof Madya Dr Ruzainah Ali @ Jaafar, selakut ini kebolehpasaran graduan UniKL MICET amat memuaskan dengan 95 peratus graduan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. "Ramai pelajar tidak mahu mengikuti pengajian kejuruteraan kimia dan bio kerana khuatir tidak mendapat pekerjaan memandangkan sektor minyak dan gas telah mengurangkan pengambilan pekerja. Cuma, pelajar tidak sedar bahawa kejuruteraan kimia dan bio masih lagi menjadi antara bidang yang tinggi permintaan daripada industri kerana skopnya begitu luas tidak menjurus pada satu-satu sektor sahaja," katanya.

Kini, setelah hampir 18 tahun mewarnai dunia pendidikan negara, UniKL MICET telah melahirkan 5000 graduan dalam bidang teknologi kejuruteraan kimia dan bio dalam pelbagai sektor industri. Ruzainah berkata, kerjaya graduan dalam bidang itu di Malaysia adalah cerah. Antara industri yang menawarkan peluang pekerjaan adalah sektor pembuatan, bioteknologi, farmaseutikal, petrokimia, kimia industri,

konsultasi, penyelidikan selain minyak dan gas. Katanya, setiap pelajar UniKL MICET juga mempunyai pengetahuan asas dalam kejuruteraan kimia dan bio selain bidang pengkhususan masing-masing sama ada polimer, proses, makanan, bioproses mahupun alam sekitar.

Dalam pada itu katanya, graduan UniKL MICET lebih diminati pihak majikan kerana mereka juga diketengahkan dengan penggunaan mesin atau peralatan sebenar seperti yang terdapat di industri. Oleh itu, mereka tidak menghadapi masalah untuk mengendalikan peralatan tersebut apabila ditawarkan pekerjaan. "Peralatan yang disediakan di UniKL MICET adalah berskala industri, bertepatan dengan pendekatan pengajian di institusi ini yang lebih menekankan praktikal berbanding amali. Pelajar tidak kira untuk program diploma atau ijazah akan didedahkan dengan kemahiran mengendali peralatan kejuruteraan kimia dan setiap pelajar akan berpeluang menggunakan peralatan tersebut untuk menjalankan analisis dan uji kaji berkaitan tugas masing-masing," katanya.

Beliau berkata, dalam menyediakan graduan yang diperlukan industri, UniKL MICET mengambil inisiatif menyediakan kemudahan peralatan yang lengkap dan terkini dalam bidang teknologi kejuruteraan kimia dan bio. Jelasnya, institusi itu mempunyai lebih 43 buah makmal antaranya Makmal Analisis Kimia; Makmal Asas Kimia; Makmal Teknologi Kimia; Makmal Penyediaan, Ujian dan Penilaian Polimer; Makmal Pemrosesan Getah; Makmal Analisis dan Pemrosesan Makanan; Makmal Analisis dan Ujian Produk Kimia; Makmal Komputer; Makmal Rawatan Air; Makmal Kawalan Pencemaran Udara dan Makmal Sains Alam Sekitar

serta Makmal Loji Pandu. Katanya, UniKL MICET juga merupakan pusat latihan teknikal World First Next Generation 3D Design Solution untuk Loji Kimia menggunakan perisian Plant Design Management System (PDMS) dan Reka Bentuk 3D. "Lebih mengujakan, perisian Reka Bentuk 3D itu adalah yang pertama digunakan di dunia untuk proses pembelajaran dan pengajaran di universiti. Perisian Reka Bentuk 3D itu boleh diaplikasikan penggunaannya seperti untuk industri minyak dan gas dan petrokimia serta marin," katanya.

Beliau berkata, pusat latihan teknikal itu mampu melatih 60 pelajar pada waktu yang sama iaitu 30 untuk PDMS dan 30 untuk Reka Bentuk 3D. Katanya, penubuhan pusat tersebut akan membantu meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan UniKL MICET dengan penambahbaikan kemahiran profesional yang diterapkan kepada pelajar.

Katanya, perisian itu akan digunakan oleh pelajar menerusi subjek Reka Bentuk Loji 1 dan Reka Bentuk Loji 2 yang mana mereka kemudian dikehendaki merekabentuk loji kimia dengan mengaplikasikan teori-teori yang telah dipelajari di UniKL MICET. "Dengan kemudahan ini, pelajar UniKL MICET dapat didedahkan dengan perisian terkini dan paling moden untuk merekabentuk loji kimia, sekali gus membantu melahirkan graduan yang dikehendaki oleh industri selain berpotensi untuk menembusi pasaran di peringkat global," katanya.

PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN:

- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING TECHNOLOGY (HONS.) IN ENVIRONMENT**
JPT/BPP (R/524/6/0062) 02/22, MQA FA 11932
- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING TECHNOLOGY (PROCESS) WITH HOURS**
JPT/BPP (R/524/6/0061) 02/22, MQA FA 11928
- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING TECHNOLOGY (POLYMER) WITH HOURS**
JPT/BPP (R/524/6/0060) 02/22, MQA FA 11930
- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING TECHNOLOGY (BIOPROCESS) WITH HOURS**
JPT/BPP (R/524/6/0015) 07/22, MQA FA 11929
- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING TECHNOLOGY (FOOD) WITH HOURS**
JPT/BPP (R/524/6/0014) 07/22, MQA FA 11931
- ✓ **BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING WITH HOURS**
JPT/BPP (R/524/6/0013) 07/22, MQA/FA 1722

UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

Laman Web: <https://micet.unikl.edu.my>

Emel: asmi@unikl.edu.my

Whatsapp: 012-631 1442 (Puan Asimi) / 011-5760 4308 (Encik Izzul)

Where Knowledge is Applied and Dreams Realised



SESI KONSULTASI BERSAMA UniKL

18 OGOS - 4 SEPTEMBER 2020
(kecuali Sabtu, Ahad & Cuti Umum)
(Johor - kecuali Jumaat & Sabtu)

SESI KONSULTASI:
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

- Taklimat secara perseorangan bagi program serta tawaran terus kepada pelajar
- Taklimat secara perseorangan bagi proses pendaftaran dan dokumen yang perlu disediakan
- Maklumat dan tatacara permohonan Pinjaman Pendidikan MARA dan PTPTN

Bentuk Masa Depan Anda Di UniKL

 Kurikulum Menepati Keperluan Industri Lebih 130 program ditawarkan di 12 kampus seluruh negara	 Penjiliran Profesional Sijil dikraf "embedded industry"	 Tunjuk Ajar Pakar Tenaga pengajar yang berpengalaman dari industri
 Peluang Belajar/Bekerja Di Luar Negara Lebih daripada 100 rakan universiti/ industri mobiliti di seluruh dunia	 Peluang Pinjaman Pelajaran Pelbagai akses untuk pinjaman pelajaran, biasiswa dan geran	 Bimbingan Kerjaya Serta rangkaian luas alumni dan rakan industri

TATACARA & SOP YANG PERLU DIPATUHI:

Amalkan penjarakan sosial, gunakan hand sanitizer dan memakai face mask ketika berurusan pada Hari Konsultasi. Semua yang hadir perlu merekodkan suhu badan sebelum mengambil nombor giliran dan konsultasi akan dibuat mengikut giliran.

HUBUNGI KAMI UNTUK PENGESAHAN TEMUJANJI:

UniKL-MITEC ▶ 07-3812462 (Pasir Gudang)	UniKL MICET ▶ 06-5512000 (Alor Gajah)	UniKL-MIAT ▶ 03-87688487 (Sepang)
UniKL-MFI ▶ 03-89132800 (Bangi)	UniKL-MESTECH ▶ 03-87395894 (Kajang)	UniKL-MID ▶ 03-91795000 (Cheras)
UniKL-MIT ▶ 03-21754146 (KL)	UniKL-BMI ▶ 03-61841000 (Gombak)	UniKL-BIS ▶ 03-26875400 (Kg Baru)
UniKL-MIMET ▶ 05-6909000 (Lumut)	UniKL-RCMP ▶ 05-2432635 (Ipoh)	UniKL Kampus Kota ▶ 1800 888 177 atau 03-21754000

PENGAMBILAN SEPTEMBER 2020 BAGI PROGRAM IJAZAH



Kumpulan Pendidikan MARA
Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

Universiti Kuala Lumpur
1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

+603 2175 4000

Hotline : 1800 888 177

www.unikl.edu.my

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UniKLOfficial



PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
Press-Reader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW